

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan kesediaan Kementerian menghadapi krisis makanan akibat kemungkinan gelombang kedua di negara-negara pengeluar makanan. Apakah cadangan Kementerian untuk mengawal harga termasuk kenaikan kos pengeluaran makanan bagi petani dan peladang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memantau bekalan makanan secara harian bagi memastikan bekalan makanan adalah mencukupi sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Informasi dalam negara yang diperolehi daripada agensi kerajaan, pemain industri dan usahawan tani serta informasi daripada atase pertanian di luar negara dipantau dan dianalisa secara berkala.

Sebagai persediaan dalam menghadapi krisis makanan akibat kemungkinan gelombang kedua pandemik di negara-negara pengeluar makanan, pelbagai mekanisme dan langkah konstruktif yang telah dirangka oleh MAFI dalam meningkatkan sekuriti makanan negara iaitu:

- a) Merencanakan aktiviti pengeluaran makanan dan meningkatkan produktiviti dengan pemberian subsidi/ insentif input seperti benih, baja dan racun serta penyediaan khidmat nasihat teknikal;
- b) Meningkatkan keberkesanan pengeluaran dengan menambahbaik infrastruktur dan kemudahan seperti jalan dan fasiliti ladang,

pengaliran dan saluran kawasan sawah padi serta kompleks dan jeti pendaratan ikan;

- c) Meningkatkan kecekapan rantai bekalan dan logistik melalui kemudahan pusat pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan dan pengedaran;
- d) Memperluas akses pasaran pengusaha tani melalui outlet pemasaran seperti pasar tani, pasar nelayan, Agrobazaar dan MyFarmOutlet serta menggalakkan penyertaan usahawan dalam platform e-dagang seperti Agrobazaar Online, NEKMATBIZ dan platform kerjasama strategik dengan pihak swasta seperti Lazada dan Shopee;
- e) Melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing melalui Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan;
- f) Meremajakan sektor pertanian dengan menggalakkan penyertaan golongan muda melalui Program Agropreneur Muda dengan geran in-kind dan skim pembiayaan serta latihan teknikal;
- g) Menggalakkan aplikasi teknologi moden seperti fertigasi, kilang tanaman, penggunaan dron, sistem pertanian pintar, *artificial intelligence* (AI), *big data* dan *internet of things* (IoT); dan
- h) Melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan input pertanian seperti benih dan baka yang mempunyai daya tahan dan kerintangan yang tinggi kepada cuaca melampau dan racun perosak.

Pada masa ini, status semasa kedudukan bekalan makanan bagi bahan makanan utama iaitu beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan berada pada tahap stabil dan mencukupi. Dalam hal ini, Kerajaan telah menyediakan kapasiti bilik sejuk dan depoh penyimpanan barang kering terutama untuk sayur-sayuran.

Selain itu, Kerajaan melalui BERNAS telah memperuntukkan sebanyak 150,000 tan metrik pada setiap masa sebagai stok simpanan beras di kawasan-kawasan strategik. Kedudukan stok beras di peringkat kilang, borong dan runcit masih berada pada tahap konsisten iaitu purata 400,000 - 500,000 tan metrik setiap bulan berbanding dengan keperluan bulanan negara iaitu sebanyak 200,000 tan metrik.

SOALAN NO: 111

Manakala bagi bekalan daging ayam, telur ayam, susu segar, daging lembu dan kerbau yang dihasilkan secara tempatan dan juga diimport dari luar negara adalah mencukupi untuk keperluan semasa.

Bagi memastikan konsistensi bekalan makanan yang diimport, beberapa langkah telah diambil seperti menggalakkan syarikat pengimport membuat kontrak jangka panjang dengan pembekal, mengenalpasti lebih banyak negara pembekal dan memudahcara prosedur import tanpa menjejaskan syarat-syarat sanitasi dan fitosanitasi (SPS).

MAFI turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan bagi mengurangkan beban kerugian atau kenaikan kos pengeluaran oleh usahawan tani akibat kesan pandemik ini melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), PRIHATIN dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Sepanjang tempoh pandemik ini juga, MAFI dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa memantau harga dalam memastikan harga barang makanan utama adalah terkawal dan stabil.

Sekian, terima kasih.